

Headline	Harga keperluan Aidilfitri lebih rendah dari pasar biasa		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	01 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	20	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,756



Mohd Ariffin (tiga kanan) bersama Timbalannya, Mohd Hafiz Nurulhuda (kanan) ketika melawat gerai jualan sempena pelancaran My Best Buy Pra Aidilfitri di RTC Tunjong semalam.

Harga keperluan Aidilfitri lebih rendah dari pasar biasa

KOTA BHARU – Pelbagai produk pertanian ditawarkan dengan harga lebih rendah dari lima sehingga 20 peratus berbanding harga di pasar awam sempena program My Best Buy Pra Aidilfitri ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohd Ariffin Awang berkata, terdapat 30 gerai di bawah program berkenaan bermula dari 31 Mei hingga 4 Jun ini tidak termasuk 745 peniaga lain.

Beliau berkata, antara konsep jualan program itu ialah hasil jualan laut, ayam, daging, jualan ladang kontrak seperti buah, sayur, daun ketupat, jualan runcit seperti minyak masak, tepung, bawang, kentang dan jualan persiapan Aidilfitri.

“Program ini dibuat bagi memenuhi kehendak pelanggan pada musim perayaan ini. Pagi ini sambutannya amat baik dengan pelbagai jualan disediakan.

“Selain itu di sini juga

ada kira-kira 200 parkir percuma untuk pelanggan. Justeru orang ramai jangan lepaskan peluang untuk datang dapatkan pelbagai keperluan sempena hari raya dalam tempoh ini,” katanya pada sidang media di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong semalam.

Mohd Ariffin berkata, lazimnya hasil jualan di RTC mencecah RM1 juta sehari dan beliau percaya ia akan meningkat dua kali ganda musim perayaan ini.